

16 AUG 1996

Mahathir-Megah

RAKYAT MALAYSIA MEGAH DENGAN NEGARA PELBAGAI KAUM MEREKA, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 16 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia berasa megah dengan negara ini kerana ia adalah sebuah negara pelbagai kaum yang tulen, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata semua kaum bukan sahaja dapat menjalani hidup dalam suasana aman ekoran kestabilan negara tetapi juga menikmati hasil pembangunan pesat dan kemakmuran negara.

"Walaupun benar kerajaan ada memberikan keistimewaan kepada Bumiputera tetapi ia adalah penting untuk membetulkan ketidakseimbangan di kalangan pelbagai kaum yang wujud daripada dasar pecah dan perintah penjajah British dahulu," katanya semasa merasmikan Konvensyen Fujian Sedunia Kedua dan pameran perdagangan dan pelaburan Malaysia-Fujian di Pusat Pameran Mahsuri Antarabangsa di sini.

Kira-kira 2,500 wakil daripada 20 persatuan Hokkien seluruh dunia termasuk dari Amerika Syarikat, Singapura, Filipina, Indonesia, Thailand, China dan Malaysia, menghadiri persidangan dua hari anjuran Persekutuan Hokkien Malaysia itu.

Konvensyen itu yang mula diadakan di Los Angeles pada 1994, bertujuan menghimpunkan masyarakat Fujian serta memupuk hubungan persahabatan dan sentimen warisan serta menjalinkan kepercayaan sesama mereka sebagai asas pembangunan dan peningkatan peluang perniagaan dan pelaburan di negara masing-masing.

Dr Mahathir berkata tindakan-tindakan yang diambil kerajaan itu telah diterima oleh pelbagai kaum kerana mereka merasakan ia adil bahawa setiap orang mempunyai hak yang sama dalam pembahagian kekayaan negara ini.

Katanya, rakyat Malaysia bukan sahaja menerima tindakan-tindakan itu tetapi telah sama-sama membantu bagi menjayakan dasar itu.

"Hari ini jurang perbezaan dalam pembangunan ekonomi di kalangan kaum-kaum di negara ini adalah tidak ketara lagi. Hasil yang dapat dilihat ialah keharmonian kaum dan perkembangan pesat pertumbuhan ekonomi," tambahnya.

Perdana Menteri berkata berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik yang terpaksa mengharungi pelbagai masalah, Malaysia kini bebas daripada kekacauan kaum yang merupakan ciri-ciri kebanyakan negara pelbagai etnik.

Tambahnya rakyat daripada pelbagai keturunan kini hidup harmoni dan saling bantu-membantu selepas belajar daripada "satu pengajaran besar daripada kekacauan kaum yang meletus pada 1969 dan memutuskan bahawa tiada faedah yang boleh diperolehi daripada keganasan kaum dan agama".

Katanya, "kami tidak mendabik dada bahawa hubungan kaum di Malaysia adalah yang terbaik, tetapi jika dibuat perbandingan kita dapati orang Melayu, Cina, keturunan India, masyarakat Iban, Kadazan dan lain-lain, yang menjadi penduduk negara ini, dapat menjalani hidup secara harmoni dan saling bekerjasama antara satu sama lain, berbanding mereka di negara-negara lain yang mempunyai penduduk pelbagai kaum."

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia mengamalkan sikap tolak ansur dan kerana sikap itulah wujudnya keamanan dan kestabilan di negara ini.

"Kita tahu bahawa di Malaysia asal keturunan rakyat yang berbeza tidak menjejaskan taat setia mereka kepada negara ini dan dihubungkaitkan dengan warga-warga lain di negara ini".

"Pendeknya, sama ada mereka orang Fukian atau Kwantong atau Hakka atau Tamil atau Telegu atau orang Melayu atau Iban, mereka adalah rakyat

Malaysia dengan satu tumpuan taat setia dan satu kebudayaan kebangsaan."

Perdana Menteri berkata terbinanya kuil dan gereja sebelah menyebelah dengan masjid, wujudnya sekolah Cina dan Tamil dan adanya surat khabar serta majalah Cina dan Tamil membuktikan sikap tolak ansur itu.

Beliau berkata di Malaysia, penggunaan bahasa dan kebudayaan warga bukan pribumi tidak dilarang malah mereka tidak dipaksa untuk menggunakan nama penduduk pribumi seperti yang berlaku di sesetengah negara.-- BERNAMA

MFJ OBA